

MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bantu telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

- | | | |
|---|-------|--|
| 1 | sudah | - telah siap sedia, lengkap selesai, habis, berakhir , telah berlaku(terjadi) |
| 2 | masih | - lagi (dalam keadaan) |
| 3 | telah | - kata yang menyatakan perbuatan dll yang lampau (sempurna, selesai) sudah sl sebaik sahaja, apabila |
| 3 | mahu | - suka akan,suka hendak, bersedia akan, hendak, akan, bp maksud, keinginan, tujuan |
| 4 | harus | - 1. tidak boleh tidak, tidak dapat tidak, mesti, patut, wajib: kita mempunyai kepentingan sendiri yg ~ dijaga; engkau ~ berlaku adil dan saksama; 2. boleh jadi, mungkin: padinya ~ tidak menjadi disebabkan kekurangan air; 3. tidak mustahil (berlaku, terjadi, dsb), mungkin: ~ seorang musuh itu bertukar menjadi seorang kawan; 4. boleh dilakukan dan boleh pula ditinggalkan |

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

- 1 Bilakah perasmian Sukan Komanwel 2022 dilangsungkan?
Perasmian Sukan Komanwel 2022 dilangsungkan bila?
- 2 Apakah pencapaian kontinjen negara dalam Sukan Komanwel 2022?
Pencapaian kontinjen negara dalam Sukan Komanwel 2022 apa?
- 3 Berapakah pingat yang diraih oleh kontinjen negara?
Pingat yang diraih oleh kontinjen negara berapa?
- 4 Mengapakah / Kenapakah kejayaan ini telah melepas sasaran?
Kejayaan ini telah melepas sasaran mengapa / kenapa?
- 5 Siapakah yang berjaya menghadiahkan pingat emas ketujuh Malaysia?
Yang berjaya menghadiahkan pingat emas ketujuh Malaysia siapa?
- 6 Di manakah upacara penutupan Sukan Komanwel 2022 diadakan dengan gilang-gemilang?
Upacara penutupan Sukan Komanwel 2022 diadakan dengan gilang-gemilang di mana?

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | | | |
|---|---------------------|---|---|
| 1 | motosikal | - | motosikal |
| 2 | mewujudkan | - | melancarkan / mengadakan / melaksanakan |
| 3 | memberi | - | memberikan |
| 4 | sekaligus | - | sekali gus |
| 5 | menjelaskan tentang | - | menjelaskan |

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|---|--------------|---|-------------|
| 1 | warga negara | - | warganegara |
| 2 | ekploitasi | - | eksplotasi |
| 3 | dari | - | daripada |
| 4 | faham | - | memahami |
| 5 | diselami | - | dihayati |
| 6 | menyemai | - | disemai |

[Maksimum : 6 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	0
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Kemudian berita / kejadian / peristiwa Kertala Sari sudah dibunuh oleh Laksamana telah diketahui oleh Patih Gajah Mada di Majapahit. Patih Gajah Mada berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menewaskan negeri Melaka dan membunuh Laksamana. Patih Gajah Mada mengarahkan seseorang ke gunung dan setiap bukit untuk mencari seseorang yang boleh membunuh Laksamana dan Ratu Melaka.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Berikan **2 markah** bagi setiap peribahasa yang dapat dinyatakan dengan tepat.

- 1 Mencurah air ke daun keladi / mencurah garam ke laut / masuk telinga kanan, keluar telinga kiri
- 2 Sekeras-keras kerak nasi, direndam akan lembut juga
- 3 Genggam bara api biar sampai jadi arang / alang-alang menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan / alang-alang berdakwat biar hitam / alang-alang berminyak biar licin / alang-alang mandi biar basah

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

	Markah
(i) dua persamaan emosi	
P1 berasa tidak puas hati	1
P2 bimbang	1
P3 tertekan	1
	[Maksimum : 2 Markah]
	[Isi cukup : 2 isi]
(ii) Kesan	
	Bahan 1
P1 kesan terhadap fikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang	
P2 mengganggu rutin harian sama ada di rumah atau di pejabat	
	Bahan 2
P3 mereka berasa tidak yakin	
P4 berasa tidak selamat	
P5 menjejaskan kesihatan mental pesakit tersebut	
	Calon mesti mengambil SATU isi daripada Bahan 1 dan SATU isi daripada Bahan 2
	[Maksimum : 3 Markah]
	[Isi cukup : 2 isi]
(iii) Peranan-peranan ibu bapa	
P1 reda / bersikap positif / berlapang dada / menerima kenyataan	
P2 memberikan nasihat / motivasi kepada anak-anak agar terima kenyataan / masih ada peluang lagi	
P3 menghantar anak-anak berjumpa kaunselor	
P4 menghantar anak-anak mengikuti kursus atau kemahiran	
P5 menghantar anak-anak ke pusat tuisyen sebagai persiapan mengambil peperiksaan semula	
P6 membawa anak-anak bercuti	
	[Maksimum : 4 Markah]
	[Isi cukup : 3 isi]
(iv) Tindakan-tindakan	
P1 memberikan nasihat	
P2 bertanya / berbincang dengan rakan anda tentang masalahnya	
P3 membantu kawan dalam pelajaran / mengadakan kumpulan belajar	
P4 memberitahu ibu bapa kawan anda	
P5 berbincang / meminta bantuan dengan rakan-rakan sekelas	
P6 memberitahu kaunselor	
	[Maksimum : 4 Markah]
	[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

	Markah
(i) Maksud	
telah lanjut / dimamah usia	2
telah dimakan tua / telah dimakan usia	1
sudah lanjut / dimamah usia	1
(ii) Sikap negatif	
Bahan 1	
P1 cinta dalam rahim dilupai	
P2 dari sulung ditendang ke bongsu / dari angah ditendang ke sulung balik	
Bahan 2	
P1 aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak kerana lama sangat najisnya tidak terbit-terbit	
Calon mesti mengambil SATU isi daripada semua bahan.	
	[Maksimum : 3 Markah]
	[Isi cukup : 2 isi]
(iii) Cara-cara	
P1 sentiasa menghormati mereka/dengar cakap/membantu mereka	
P2 belajar bersungguh-sungguh	
P3 mempamerkan tingkah laku yang baik/menjaga nama baik ibu bapa	
P4 sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka	
P5 Membawa mereka pergi melancang	
P6 Memberi mereka hadiah / meraikan hari jadi / hari ulang tahun	
P7 sentiasa bertanya khabar	
P8 menjaga mereka ketika sakit	
	[Maksimum : 3 Markah]
	[Isi cukup : 2 isi]
(iv) Langkah-langkah	
P1 melaporkan perkara itu kepada pihak yang bertanggungjawab	
P2 memberi bantuan kewangan / makanan	
P3 bertanya kepada warga emas itu tentang dirinya / keluarga / anak-anak	
P4 membantu mencari tempat penginapan sementara	
P5 menghubungi ahli keluarga / waris	
P6 mendapatkan pekerjaan yang sesuai	
P7 memaklumkan / meminta bantuan ibu bapa	
	[Maksimum : 4 Markah]
	[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) **Perkara yang disuruh**

- P1 menyiram pokok bunga
- P2 menyudahkan kerja-kerja di bangsal di belakang rumah / memindahkan susunan kayu api
- P3 duduk di pangkin kayu menikmati pagi yang indah / melihat burung-burung terbang, ayam-ayam memagut cacing, kucing-kucing berkejaran
- P4 membantu nenek dengan cara memerhatikannya

[**Isi cukup : 3 isi**]
[**Maksimum: 4 markah**]

8(ii) Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (a) Jawapan hendaklah berdasarkan dua buah daripada novel yang dinyatakan pada arahan soalan.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (c) Beri **1 markah** bagi setiap isi yang betul.
- (d) Berikan **1 markah** bagi **pernyataan** yang betul.
- (e) Berikan **1 markah** bagi **peristiwa / huraihan / contoh** yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (f) Markah isi maksimum **4 markah** (**2 markah** bagi setiap isi dan peristiwa / huraihan / contoh)
- (g) Markah bahasa maksimum **2 markah**, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : **2 markah**
 - Lemah : **1 markah**
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri **1 markah** untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab **0 markah**.

[**Maksimum : 6 markah**]

(ii) **Sikap keprihatinan masyarakat**

Novel Pantai Kasih

1. **Sikap prihatin seorang ayah terhadap kebahagiaan anaknya** - Ayah Doktor Raiha memberikan nasihat kepadanya agar tidak berkahwin dengan Doktor Sadiz yang telah berusia dan sompong.
2. **Sikap prihatin seorang doktor terhadap pesakit** - Doktor Raiha melakukan pembedahan ke atas Unong Siron dan sentiasa memantau kesihatan pesakitnya itu. Doktor Raiha sangat sedih apabila Unong siron terpaksa menjalani pembedahan sebanyak enam kali di tempat yang sama sedangkan doktor yang melakukan pembedahan tersebut adalah doktor pakar yang bukan calang-calang.
3. **Sikap prihatin seseorang terhadap keselamatan orang lain** - Doktor Raiha dan ibu Unong Siron berusaha menyelamatkan Felicia Landosi yang ditahan oleh doktor palsu di PRPK.
4. **Sikap prihatin seorang rakan kepada rakannya yang ingin berubah** - Doktor Raiha prihatin akan sikap Felicia yang ingin berubah setelah menyesali penglibatannya dalam tragedi kebakaran kereta Doktor Sadiz sehingga menyebabkan kematian Ayu dengan memberikan semangat kepada Felicia.

(Terima mana-mana sikap prihatin lain yang sesuai)

Novel Bimasakti Menari

1. **Sikap prihatin seorang anak terhadap ayah** - Nurul Hafsa prihatin akan masalah ayahnya yang bimbang peralatan berkebunnya mungkin dicuri orang, Nurul Hafsa memberitahu ayahnya bahawa dia akan membina sebuah stor untuk ayahnya menyimpan peralatan berkebun tersebut.
2. **Sikap prihatin seorang rakan kepada rakan yang lain** - Budiman dan Nurul Hafsa prihatin akan keselamatan Muhammmad Taufik yang ditimpa kemalangan. Mereka segera mendapatkan Muhammmad Taufik sebaik-baik sahaja menerima panggilan dan membawanya ke hospital.
3. **Sikap prihatin seorang abang kepada adik** - Budiman prihatin akan keperluan adiknya, Nurul Hafsa yang perlu berjumpa dengan Muhammad Taufik untuk melestarikan alam sekitar di Kuala Selangor. Budiman sentiasa menemani adiknya agar tidak menimbulkan fitnah.
4. **Sikap prihatin seorang orang awam terhadap kegiatan jenayah yang berlaku** - Seorang penduduk telah membuat aduan di Balai Polis Bestari Jaya kerana terdapatnya kegiatan jenayah di ladang kelapa sawit yang terletak jauh di kawasan pedalaman Bestari Jaya.
5. **Sikap prihatin masyarakat terhadap alam sekitar** - Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik prihatin dan gigih melestarikan alam sekitar di Kuala Selangor dengan mewujudkan Kawasan Simpan langit Gelap Kuala Selangor.

(Terima mana-mana sikap prihatin lain yang sesuai)

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas / peribahasa
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)								Markah Maksimum
(i) Pendahuluan									2	
(ii) Isi Bahan 1										
Fokus 1 (Manfaat)	4	4	3	2	1	2	3	2	1	
Fokus 2 (Langkah)	4	2	3	4	3	2	1	3	4	16
(iii) Isi Bahan 2										
Fokus 1 (Manfaat)	1	1	1	1	1	1	1	1		
Fokus 3 (Keburukan)	3	1	1	1	3	3	3	2	2	
	12	8	8	8	8	8	8	8	8	
(iv) Penutup/Kesimpulan									2	
	Jumlah Markah								20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baru• Penggunaan kosa kata luas dan tepat• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesinambungan ayat baik• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baru• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none">• Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik• Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baru• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none">• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 ... membincangkan kebaikan / manfaat, kesan buruk / keburukan / kelemahan / masalah / impak / implikasi e-pembayaran / sistem pembayaran elektronik / transaksi secara dalam talian dan langkah / cara / usaha / inisiatif menggalakkan masyarakat menggunakan e-pembayaran	2
P2 ... membincangkan kebaikan / manfaat dan kesan buruk / keburukan / kelemahan / masalah / impak / implikasi e-pembayaran / sistem pembayaran elektronik / transaksi secara dalam talian	1
P3 ... membincangkan kebaikan / manfaat dan langkah / cara / usaha / inisiatif menggalakkan masyarakat menggunakan e-pembayaran	1
P4 ... membincangkan kebaikan / manfaat ATAU kesan buruk / keburukan / kelemahan / masalah / impak / implikasi e-pembayaran / sistem pembayaran elektronik / transaksi secara dalam talian ATAU langkah / cara / usaha / inisiatif menggalakkan masyarakat menggunakan e-pembayaran (HANYA MENYATAKAN SATU FOKUS SAHAJA)	1

Isi [16 markah]

FOKUS 1 : Manfaat e-pembayaran

Bahan 1

- | | |
|---|---|
| A1 lebih menjimatkan masa pengguna | 2 |
| A2 pengguna memantau rekod pembayaran dan kewangan mereka secara sistematik | 2 |
| A3 pengguna tidak perlu menanggung risiko membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak | 2 |
| A4 pengguna juga boleh mendapatkan ganjaran untuk setiap transaksi | 2 |

Bahan 2

- | | |
|--|---|
| B1 Semua transaksi boleh dilakukan di mana-mana tempat | 2 |
|--|---|

FOKUS 2 : Langkah menggalakkan masyarakat menggunakan e-pembayaran

Bahan 1

- | | |
|--|---|
| C1 kerajaan telah melaksanakan program e-PENJANA bagi merancakkan perbelanjaan digital | 2 |
| C2 kempen Pembayaran Tanpa Tunai turut diperkenalkan di beberapa agensi kerajaan | 2 |
| C3 hampir semua institusi perbankan telah menyediakan perkhidmatan e-pembayaran untuk semua urusan perbankan | 2 |
| C4 kerajaan berusaha untuk menyediakan capaian teknologi 5G | 2 |

FOKUS 3 : Keburukan e-pembayaran

Bahan 2

- | | | |
|----|--|---|
| D1 | Teredah kepada penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab | 2 |
| D2 | Mendorong masyarakat boros berbelanja | 2 |
| D3 | Urusan transaksi tergendala akibat gangguan Internet | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak hendaklah memanfaatkan penggunaan e-pembayaran agar ekonomi negara lebih maju. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, penggunaan e-pembayaran hendaklah dimanfaatkan agar ekonomi negara lebih maju | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, semua pihak hendaklah memanfaatkan penggunaan e-pembayaran / penggunaan e-pembayaran hendaklah dimanfaatkan. | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

CARA PENULISAN MARKAH

P	
A	
B	
C	
D	
K	
I	
B	
J	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT